


Panasonic[®]

No. Model Model No. **MC-SB30J**



Buku Panduan

Pembersih Vakum Boleh Dicas Semula
(Kegunaan rumah)

Operating Instructions


Rechargeable Vacuum Cleaner
(Household use)

Malaysian. . . ML
ENGLISH. . . EN

Panasonic®

Buku Panduan Pembersih Vakum Boleh Dicas Semula (Kegunaan Rumah)

No. Model **MC-SB30J**



Dilampirkan bersama kad pendaftaran waranti produk

Terima kasih kerana membeli produk Panasonic.

- Semua ilustrasi yang digunakan ialah untuk tujuan penerangan, perkara sebenar mungkin berbeza sedikit daripada yang ditunjukkan.
- Sila baca buku panduan dengan teliti sebelum mengecas dan menggunakan perkakas bagi memastikan operasi yang selamat dan betul.
- Sebelum penggunaan, sila pastikan anda membaca "**Langkah Keselamatan**" (Halaman ML2 ~ ML3).
- Simpan buku panduan untuk kegunaan masa depan.

Simpannya untuk digunakan nanti

Kandungan Halaman

Langkah Keselamatan..... ML2

Catatan tentang
Penggunaan ML4

Pengenalan Barangan..... ML5
• Mari kita semak aksesori

Mengecas ML6

Sebelum guna

Membersih..... ML8

• Di tempat lain, pilih
muncung berbeza.

Penyelenggaraan ML10

Penggunaan •
Penyelenggaraan

Penyelesaian Masalah ... ML14

Menukar Tetapan ML16

Pelupusan produk..... ML17

Spesifikasi ML18


Penyelesaian
Masalah

Langkah Keselamatan


Sila pastikan anda mengikuti arahan ini

Dalam usaha mengelakkan kemalangan atau kecederaan kepada pengguna, individu lain dan kerosakan kepada harta benda, sila ikuti arahan di bawah.


■ Carta berikut menunjukkan tahap kerosakan yang disebabkan oleh operasi yang salah.


 **BAHAYA** Menunjukkan keadaan berpotensi berbahaya yang, jika tidak dielakkan, boleh mengakibatkan kematian atau kecederaan serius.


 **AMARAN** Menunjukkan keadaan berpotensi berbahaya yang, jika tidak dielakkan, boleh mengakibatkan kematian atau kecederaan serius.


 **AWAS** Menunjukkan keadaan berpotensi berbahaya yang, jika tidak dielakkan, boleh mengakibatkan kecederaan kecil atau sederhana.

■ Simbolnya diklasifikasi dan dijelaskan seperti berikut.


 Simbol ini menunjukkan larangan.


 Simbol ini menunjukkan keperluan yang mesti diikuti.


 **BAHAYA** Untuk mengelakkan kecederaan dan sebagainya Bateri boleh dicas semula

 **Jangan guna dengan kasar** (Ini boleh mengakibatkan pemanasan lampau, penyalaan atau pecah)


- Unit utama mempunyai bateri terbina dalam boleh dicas semula, yang tidak boleh digunakan di dalam kelengkapan elektrik lain
→ Untuk tujuan mengecas semula bateri, hanya gunakan bekalan yang boleh ditanggalkan AVV61V-U9V
- Jangan gunakan bateri boleh dicas semula selain bateri khusus yang terbina di dalam.
- Jangan melupuskan bateri dalam api atau dedaahnya kepada haba
- Jangan mencucuk dengan kuku, mengenakan impak kuat, menceraikan, membaiki atau mengubah suai
- Jangan mengakibatkan litar pintas dengan membenarkan logam atau bahan lain bersentuhan dengan terminal soket
- Jangan mengecas, menggunakan atau meletakkannya di tempat yang mempunyai suhu tinggi, termasuk berhampiran dengan api atau dalam cuaca panas

 **AMARAN** Untuk mengelakkan api, terbakar, kejutan elektrik dan sebagainya Unit utama • Aksesori


 **Jangan membiarkan unit menyedut objek terbakar atau mudah terbakar** (Dalam usaha mengelakkan letupan atau api)

Rokok, toner dari mesin fotokopi, bahan api pemanasan, bahan pencair dan sebagainya 

 **Jangan gunakan jika palam atau kord kuasa rosak** (Ini boleh mengakibatkan kebakaran kerana pemanasan lampau dan penyalaan)

 **Tolong jangan sentuh berus berputar atau suis guling** (Untuk mengelakkan kecederaan yang disebabkan oleh tersepit jari, atau terbakar yang diakibatkan oleh peningkatan suhu kerana mengunci berus)

Berus berputar  Suis guling

 **Jangan gunakan dengan kasar**

- Jangan basuh dengan air (Kecuali untuk bahagian dan aksesori yang boleh dibasuh dengan air)
- Jangan pasang atau cabut palam kuasa dengan tangan yang basah (Bahaya kejutan elektrik)
- Jangan gunakan persekitaran tempat yang basah, seperti di dalam tandas dan bilik mandi
- Jangan rosakkan kord kuasa atau palam. Jangan memesin, melentur, memutar, meregang atau meletakkan pembersih secara paksa pada suhu tinggi atau meletakkan objek berat di bahagian atas atau membungkusnya (Ini boleh mengakibatkan kejutan elektrik, litar pintas atau kebakaran)
→ Rujuk tempat pembelian untuk maklumat mengenai pembaikan.
- Perkakas ini tidak bermaksud untuk digunakan oleh individu (termasuk kanak-kanak) yang mempunyai keupayaan fizikal, deriaan atau mental yang terhad, atau kurang pengalaman dan pengetahuan, melainkan jika mereka telah diberi pengawasan atau arahan mengenai penggunaan perkakas itu oleh individu yang bertanggungjawab terhadap keselamatan mereka



AMARAN

Untuk mengelakkan api, terbakar, kejutan elektrik dan sebagainya

Bateri • Unit utama



Jika cecair bateri masuk ke dalam mata anda, segera basuh dengan air bersih (Jangan gosok mata anda)

(Bahaya buta)

→Dapatkan rawatan perubatan profesional dengan segera.



Kanak-kanak perlu diselia bagi memastikan yang mereka tidak bermain dengan perkakas itu
(Perkara tersebut boleh mengakibatkan kebakaran, kejutan elektrik atau kecederaan)



Gunakan pengecas bateri dengan betul

- Pengecas bateri hanya sesuai untuk kegunaan dalaman atau untuk melindungi daripada hujan (Tidak berbuat demikian boleh mengakibatkan kejutan elektrik, penyalan)
- Pengecas bateri hanya terhad untuk mengecas produk ini (Tidak berbuat demikian boleh mengakibatkan kejutan elektrik, penyalan, pemanasan lampau atau kebocoran)
- Masukkan sepenuhnya ke dalam soket (Terdapat bahaya kejutan elektrik atau kebakaran yang disebabkan oleh pemanasan lampau jika anda tidak memasukkan palam ke dalam salur keluar soket)
- Mesti berada dalam nilai berkadar soket dan perkakas pendawaian dan sebagainya, dan mesti menggunakan AC 100-240 V (Pemanasan lampau boleh menyebabkan kebakaran jika sistem melebihi pengkadaran yang disarankan dengan menyambungkan terlalu banyak peranti kepada soket yang sama.)
- Palam mesti ditanggalkan dari salur keluar soket sebelum menyelenggara perkakas (Bahaya kejutan elektrik)
- Palam mesti ditanggalkan dari salur keluar soket apabila unit tidak digunakan untuk jangka masa yang panjang (Untuk mengelakkan kejutan elektrik, kebocoran elektrik, kebakaran dan sebagainya disebabkan oleh kerosakan penebat)
- Gunakan kain kering untuk membuang habuk dari palam kuasa, palam dan sebagainya dengan kerap. (H. ML5) (Habuk yang terkumpul boleh menyebabkan penebat menjadi tidak sempurna berpunca daripada kelembapan, yang boleh mengakibatkan kebakaran)



Apabila ralat berlaku, berhenti menggunakannya dengan segera, matikan suis kuasa utama dan cabut palam pengecas bateri dari salur luar soket

(Bahaya asap, penyalan dan kejutan elektrik)

misalnya, keabnormalan atau rosak

- Walaupun anda menghidupkan sumber kuasa, ia tidak akan berjalan
- Terdapat bunyi aneh semasa unit sedang beroperasi
- Unit utama berubah bentuk atau menjadi sangat panas
- Ada bau terbakar

→Minta penyelenggaraan dan pembaikan di tempat pembelian dilakukan dengan segera



AWAS

Untuk mengelakkan penyalan, kecederaan dan sebagainya

Bateri • Unit utama • Aksesori



Jangan gunakan dengan kasar

- Muncung lantai tidak boleh ditarik terlalu jauh ke arah kiri dan kanan (Ini boleh mengakibatkan permukaan lantai bercalar)
- Jangan gunakannya apabila bahagian di bawah muncung lantai sudah tidak boleh digunakan lagi (Ini boleh mengakibatkan permukaan lantai bercalar)
→Periksa unit sebelum digunakan dan jika ada bahagian yang rosak, sila rujuk kepada tempat pembelian
- Jangan letak logam dalam bahagian yang bersentuh setiap palam (H. ML5) (Bahaya kejutan elektrik)
- Jangan tarik kord kuasa semasa mencabut palam dari salur keluar soket (Ini boleh mengakibatkan kejutan elektrik atau kebakaran yang disebabkan oleh litar pintas)



Jangan mendekati sumber api atau sumber haba dan elakkan cahaya matahari secara langsung
(Ini boleh mengakibatkan kebakaran atau perubahan bentuk)



Jika berlaku kebocoran bateri dan cecair masuk ke dalam kulit atau pakaian anda, hati-hati basuh dengan air bersih

(Ini boleh mengakibatkan keradangan dan kecederaan kulit)

- Dapatkan rawatan perubatan profesional dengan segera.



Sila simpan pembersih vakum (bateri) di tempat yang bersih dan kering

(Dalam usaha mengelakkan bateri berpunca daripada kelembapan yang menjadikan pemanasan lampau, penyalan atau kejutan elektrik)

Sebelum guna

Catatan tentang Penggunaan

Untuk melanjutkan jangka hayat perkhidmatan

Pembersih vakum ialah perkakas isi rumah dan tidak boleh digunakan bagi tujuan komersial atau perindustrian serta tujuan lain selain pembersihan vakum.

- Jangan biarkan unit menyedut objek berikut (Ini boleh mengakibatkan malfungsi dan berbau)
 - Jumlah serbuk yang sangat banyak (Sisa pembinaan atau serbuk pemadam api)
 - Bahan buangan haiwan peliharaan atau apa-apa sisa buangan lain yang berkaitan
 - Kaca, pin, jarum, pencungkil gigi
 - Serbuk penyahlembapan
 - Air dan cecair lain
 - Barangan lembap dan basah
 - Bahagian tepi permaidani
 - Untaian tali yang panjang
 - Objek yang mudah menyumbatkan salur masuk sedutan (Stokin dan sebagainya)
- Jangan cuba bersihkan di tempat dengan jumlah pasir, bahan buangan haiwan peliharaan atau batu kerikil (Ini boleh mengakibatkan malfungsi)
- Jangan terus menyedut dengan port hadapan badan atau batang sambungan (Dalam usaha untuk tidak memakai port hadapan)
 - Sila gunakan muncung lantai
- Jangan sekat lubang ekzos (Ini boleh mengakibatkan perubahan bentuk yang disebabkan pemanasan lampau)
- Jangan beroperasi terlalu lama jika salur masuk sedutan tersekat (Untuk mengelakkan perubahan bentuk yang disebabkan pemanasan lampau)
- Jangan bermain sewenang-wenangnya dengan palam pengecas (Untuk mengelakkan sambungan yang tidak betul)
- Jangan gunakan pembersih vakum dalam persekitaran yang terlalu panas atau sejuk (ini berlaku kerana bateri yang boleh dicas semula di dalamnya tidak dapat berfungsi dengan betul)
 - Disarankan menggunakan pembersih vakum dalam persekitaran bersuhu 0 °C ~ 40 °C (sila caskan dalam 5 °C ~ 35 °C)

Untuk mengelakkan pemanasan lampau motor (Fungsi perlindungan)


Jika pembersih vakum terus berfungsi di bawah keadaan berikut, fungsi perlindungan akan diaktifkan, badan muncung sedutan akan berhenti secara automatik untuk mengelakkan motor daripada pemanasan lampau dan kerosakan. (H. ML14)

- Apabila bekas habuk penuh dengan sampah
- Apabila muncung dan salur masuk sedutan tersumbat
- Apabila berus berputar diletakkan di tempat yang sama ia berputar
- Apabila objek asing melilit sekitar berus berputar

Pengenalan Barangan

Mari kita semak aksesoriya

Bahagian yang disertakan di adalah termasuk aksesori.



Sebelum guna

Mengecas



Bateri tidak dicas sepenuhnya pada masa pembelian, oleh itu sila pastikan untuk mengecasnya sebelum digunakan (Pengecasan penuh mengambil masa kira-kira 3.5 jam)

Untuk membantu menjadikan bateri tahan lebih lama

- Jika pembersih vakum tidak digunakan untuk lebih daripada 1 bulan, sila cas dengan sepenuhnya. Cabut pengecas bateri dan simpan pembersih. Caskan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan.
- Untuk mengelakkan daripada menjejaskan jangka hayat bateri, apabila pembersih vakum berhenti secara automatik disebabkan kuasa bateri habis semasa penggunaan, jangan cuba memulakannya semula atau tinggalkannya sendiri bagi mengelakkan daripada penyahcasan berlebihan.
→Pastikan mengecasnya selepas digunakan
- Cas semula di dalam bilik yang mempunyai suhu sekitar 5 °C dan 35 °C. (Untuk mengecas dengan betul, elakkan masa penggunaan menjadi lebih pendek atau masa mengecas menjadi lebih lama. Unit tidak dapat mengecas dengan betul jika bilik terlalu sejuk, atau terlalu panas seperti semasa bilik menerima sinar matahari secara langsung.)

Catatan


- Apabila palam dipasang untuk pengecasan semasa operasi, pembersih vakum akan berhenti berfungsi dan bertukar kepada mod pengecasan secara automatik.
- Suhu badan dan pengecas bateri akan meningkat semasa pengecasan dan ini ialah suatu fenomena biasa.
- Masa pengecasan dan masa perkhidmatan akan berubah bergantung pada suhu dan status bateri.
- Walaupun pembersih vakum boleh digunakan apabila ia tidak dicas sepenuhnya, masa perkhidmatan akan menjadi lebih pendek berbanding jika ia dicas sepenuhnya.

Permintaan

- Apabila digunakan untuk kali pertama selepas pembelian atau dibiarkan melahu untuk tempoh lebih daripada 6 bulan, bateri mungkin berkurangan dalam kapasitinya disebabkan penyahcasan berlebihan.
→Pastikan mengecasnya semula sebelum menggunakannya lagi
- Selepas palam pengecas bateri dipasang, 0.5 W digunakan walaupun pembersih vakum tidak dicaskan.
→Apabila pembersih vakum tidak digunakan untuk tempoh masa yang lama, cabut palam untuk menjimatkan kuasa
- Untuk mengelakkan gangguan dengan set TV, telefon dan sebagainya (seperti hingar), sila jauhkan lebih daripada 1 m dari perkakas ini semasa mengecas.

Pilih tempat yang sukar dijangkau, seperti di sudut bilik dan letakkannya secara mendatar dan stabil di bawah untuk mengecas.

- Lampu paras bateri akan menyala sebagai lampu pernafasan semasa mengecas dan akan padam secara automatik apabila bateri dicas sepenuhnya.



- Pasangkan palam ke dalam port badan sepenuhnya seperti yang ditunjukkan.
 - Jangan tarik kord kuasa semasa menarik palam (Untuk mengelakkan daripada kord kuasa rosak)
→ Sila pegang palam dan tariknya keluar


■ Cara memeriksa kuasa bateri yang tinggal



Berkelip (biru)

Mengecas

Suhu bateri berubah, bergantung pada keadaan perkhidmatan seperti suhu ambien dan masa perkhidmatan. Apabila suhu bateri terlalu tinggi, ia akan menunggu secara automatik sehingga suhunya sesuai untuk mengecas dan kemudian dicas semula, oleh itu masa pengecasan akan menjadi lebih lama. (sehingga kira-kira 6 jam)



PADAM

Selepas pengecasan selesai, lampu padam.


Selesai mengecas

- Berkelip cepat (pada selaan masa kira-kira 0.3 saat) menunjukkan keabnormalan. Untuk maklumat terperinci, sila rujuk kepada "Penyelesaian Masalah" (H. ML14)

Penggunaan •
Penyelenggaraan

ML7



Membersih



Permintaan

- Gerakkan muncung lantai dengan perlahan semasa menggunakannya. Jangan tekan dengan kasar. (Dalam usaha untuk tidak merosakkan lantai)
- Untuk mengelakkan daripada calar, jangan gunakannya untuk membersihkan permukaan yang bergilap, seperti piano.

Di tempat lain, pilih muncung berbeza.



Permintaan

- Gerakkan muncung lantai dengan perlahan semasa menggunakannya. Jangan tekan dengan kasar. (Dalam usaha untuk tidak merosakkan lantai)
- Matikan pembersih vakum sebelum menukar muncungnya.
- Untuk mengelakkan daripada calar, jangan gunakannya untuk membersihkan permukaan yang bergilap, seperti piano.

Penggunaan •
Penyelenggaraan

Penyelenggaraan

- Matikan pembersih vakum apabila membersihkan sampah atau semasa penyelenggaraan.

Catatan

- Apabila lampu penderia habuk dan lampu paras bateri berkelip pada masa yang sama (Dalam hal ini, kuasa sedutan menjadi lemah), sila bersihkan sampah dan lakukan penyelenggaraan tepat pada masanya.
- Untuk mengelakkan kuasa sedutan daripada menurun, sampah yang mudah tersumbat seperti pasir perlu dikeluarkan secepat mungkin walaupun jumlahnya kecil dan bekas habuk perlu diselenggarakan.
- Bekas habuk boleh menjadi penuh lebih awal semasa menyedut permaidani baharu kerana ada benang yang masih longgar.


Apabila bekas habuk penuh atau kuasa sedutan menjadi lemah, sila bersihkan sampah dan lakukan penyelenggaraan tepat pada masanya.




Bekas habuk

1 Mengeluarkan bekas habuk

Tekan butang pelepas bekas habuk untuk mengeluarkan bekas tersebut (seperti yang ditunjukkan)



- Apabila membuka bekas habuk, jangan letakkannya seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah, ini dalam usaha untuk mengelakkan sampah daripada bocor semasa salur masuk sedutan menghadap ke bawah.




2 Membersihkan sampah

- 1 Pegang tempat pemegang untuk mengeluarkan penapis berlisu




- 2 Tekan dan tahan butang untuk mengeluarkan penapis jejaring



- 3 Membersihkan sampah

Pastikan salur masuk sedutan menghadap ke atas



Tepat pada masanya: Apabila sedutan menjadi lemah

Dengan kerap: kira-kira sebulan sekali

Saranan


- Dinasihatkan supaya mengeluarkan sampah sebaik sahaja setiap kali selesai kerja memvakum dan melaksanakan **penyelenggaraan terperinci**. Bukan sahaja ini akan menghalang sampah daripada mengeluarkan bau, tetapi ia juga menghalang habuk di dalam bekas daripada melekat kepada sampah halus dan senang tersumbat (misalnya, habuk, habuk daripada gegebar kapas dan sebagainya), menyebabkan kuasa sedutan menjadi lemah.

Permintaan


- Tolong jangan gunakan bahan seperti bahan cuci, peluntur, gasolin, pencair, atau alkohol (Untuk mengelakkan retakan dan perubahan warna)
- Sila keringkan bekas habuk sepenuhnya selama kira-kira 24 jam sebaik sahaja selepas kerja mencuci (Untuk mengelakkan bau atau tersumbat)
- Tolong jangan gunakan alat pengering hembusan atau alat yang serupa untuk mengeringkannya (Untuk mengelakkan malfungsi)

Penyelenggaraan terperinci


Penapis jejaring




Penapis berlisu



Ketik dengan perlahan untuk membuang habuk



Anda boleh mencuci pembersih vakum apabila ia menjadi kotor selepas penggunaan yang lama



Rendam dalam air (kira-kira 30 minit)

- Selepas mencuci, sila keringkan sepenuhnya dan pasang semula

3 Pasangnya semula

- 1 Pasang semula penapis jejaring dan penapis berlisu



- 2 Pasang semula badannya



- Bekas habuk tidak akan dapat menyedut sampah jika ia tidak dipasang di tempatnya.



Penggunaan •
Penyelenggaraan

Penyelenggaraan

Penderia


■ Jika lampu penderia habuk tidak normal (H. ML15), sampah atau habuk boleh melekat kepada bahagian penderia (2 tempat) di dalam badan. Sila lakukan penyelenggaraan.

- Gunakan kain lembut, kering untuk mengelap sampah, habuk dan sebagainya dari bahagian hujung hadapan



Prapenapis


- Ketik dengan perlahan untuk mengeluarkan sampah, habuk dan sebagainya, atau cuci dengan perlahan dan keringkan betul-betul.



- Jangan tertinggal prapenapis selepas pembersihan


Badan, batang sambungan dan sebagainya

- Lap kotoran, habuk dan sebagainya dengan kain lembut dan lembap yang diperah.




Terminal


- Keluarkan sampah dari palam dengan kain kering



Palam pengecas bateri



Terminal muncung lantai



Terminal batang sambungan

Tepat pada masanya: Apabila sedutan menjadi lemah

Dengan kerap: kira-kira sebulan sekali

! AWAS


- Semasa menyelenggara muncung, sentiasa tutup pembersih vakum dan keluarkan muncung tersebut. (Untuk mengelakkan kecederaan)

Permintaan


- Apabila dibasuh dengan air...
 - Keluarkan mana-mana air dan keringkan sepenuhnya (Untuk mengelakkan daripada mengakibatkan bauan yang kuat atau penyumbatan)
 - Tolong jangan gunakan alat pengering hembusan atau alat yang serupa untuk mengeringkannya (Untuk mengelakkan perubahan bentuk dan malfungsi)
- Tolong jangan gunakan bahan seperti bahan cuci, peluntur, pencair, atau alkohol (Untuk mengelakkan retakan dan perubahan warna)

Muncung lantai

■ Keluarkan sampah dari kawasan areas




(Bahagian Bawah)



- Potong dengan gunting di sepanjang ruang antara berus untuk membuang sampah yang terkusut


■ When you want to wash the rotating brush with water

- 1 Putarkan penutup berus supaya "▲" boleh sampai di "1"




- 2 Pegang dan keluarkan penutup berus


- 3 Mengangkat berus berputar





- 4 Tanggalkan tali sawat



- 5 Tarik keluar



- 6 Keluarkan sampah dari kawasan  Cuci berus berputar dengan air
- Selepas mencuci, sila keringkan sepenuhnya




Boleh dicuci


Berus berputar sahaja

■ Pasang semula

- 1 Pasangkan tali sawat




- 3 Tekan berus ke bawah




- 5 Buatlah "▲" sampai di "1"



- 4 Kaput lubang dalam penutup berus ke dalam pencakar



- 2 Pasang



Penggunaan •
Penyelenggaraan

Penyelesaian Masalah

Periksa perkara berikut sebelum meminta pembaikan.

Apabila perkara ini terjadi		Pemeriksaan dan pengendalian
Mengecap	Tiada lampu pernafasan untuk lampu paras bateri	<ul style="list-style-type: none"> ● Adakah kedua-dua hujung penyesuai AC dipasang?
	Lampu paras bateri tidak padam	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika lampu paras bateri tidak padam setelah dicas selama lebih daripada 12 jam, mungkin pembersih vakum telah rosak atau jangka hayat bateri sudah luput. →Sila rujuk kepada penjual asal.
	Lampu paras bateri berkelip dengan pantas	<ul style="list-style-type: none"> ● Cabut palam dan tunggu selama 10 minit sebelum memasangnya semula. Jika ia masih berkelip dengan pantas →Hubungi penjual asal anda.
	Masa operasi berjalan telah menurun selepas mengecap	<ul style="list-style-type: none"> ● Adakah anda mengecap di tempat yang suhunya terlalu tinggi atau terlalu rendah? →Cas semula di dalam bilik yang mempunyai suhu sekitar 5 °C dan 35 °C ● Jika produk dicas dengan segera selepas ia digunakan dalam persekitaran suhu yang tinggi seperti pada musim panas, pengecasan mungkin dihentikan sementara disebabkan oleh suhu bateri yang terlalu tinggi dan produk siap sedia untuk proses penyejukan. →Bateri akan dicas secara automatik selepas ia sejuk. Sila mengecapnya sehingga lampu paras bateri padam ● Adakah bateri sudah sampai ke akhir jangka hayatnya? →Sila hubungi penjual asal untuk pembelian dan penggantian bateri
Operasi • Kuasa sedutan	Pembersih vakum tidak berfungsi	<ul style="list-style-type: none"> ● Adakah kuasa bateri sudah habis digunakan? →Sila mengecapnya
	Tiada operasi yang dilakukan tetapi kuasa sedutan menjadi semakin lemah atau operasi ditamatkan	<ul style="list-style-type: none"> ● Adakah ia berada pada mod MATIKAN pemelajuan? (H. ML8) ● Adakah fungsi perlindungan untuk mengelakkan motor atau bateri daripada mengalami pemanasan lampau? →① Tutup pembersih vakum dan hentikan operasi ② Tunggu selama 5 hingga 30 minit (untuk motor atau bateri menyejuk dan lepaskan fungsi perlindungan) ③ Sila semak sebab untuk memulakan fungsi perlindungan (H. ML4) <ul style="list-style-type: none"> • Adakah bekas habuk penuh dengan sampah? →Keluarkan sampah dan lakukan penyelenggaraan (H. ML10 ~ ML11) • Adakah salur masuk sedutan, muncung dan sebagainya tersumbat? →Tolong keluarkan penyumbatan • Adakah berus berputar muncung lantai dibelit oleh objek asing? →Tolong keluarkan objek asing (H. ML13)
	Berus berputar muncung lantai tidak berfungsi	<ul style="list-style-type: none"> ● Untuk keselamatan, apabila muncung lantai diangkat, berus berputar akan dihentikan. ● Adakah berus berputar tersekat di sekeliling serpihan, tali dan sebagainya? Adakah ia tersumbat? (H. ML13) ● Menyapu objek dengan rambut panjang atau jenis karpet yang berlainan, atau menekan muncung dengan kuat boleh mengakibatkan bahagian berputar berfungsi dengan perlahan atau tidak berputar. ● Selepas muncung sedutan diangkat, jika ia terhentak dan terjatuh ke tanah, berus berputar mungkin tidak berfungsi lagi. →Turunkan muncung dengan perlahan; jangan hentaknya dengan pantas ● Jika muncung lantai dikeluarkan dan dipasang semula semasa operasi, berus berputar tidak akan berfungsi lagi. →Pasang muncung selepas menghentikan operasi
	Kuasa sedutan lemah walaupun dalam mod "HIGH (TINGGI)"	<ul style="list-style-type: none"> ● Matikan pembersih vakum dan jalankan sekali lagi. ● Adakah batang sambungan, muncung dan sebagainya tersumbat? ● Adakah bekas habuk tersumbat? →Keluarkan sampah dan lakukan penyelenggaraan (H. ML10 ~ ML11) ● Adakah bekas habuk dipasang dengan betul? (H. ML10 ~ ML11) ● Adakah fungsi perlindungan diaktifkan (H. ML4)? ● Apabila fungsi MATIKAN pemelajuan dinyahaktifkan, produk itu sedang berjalan dalam mod [AUTO (AUTOMATIK)] atau [HIGH (TINGGI)]. Apabila muncung lantai dijauhkan dari lantai, kuasa sedutan akan menjadi semakin lemah untuk mengurangkan penggunaan kuasa. (H. ML16)
	Kuasa sedutan menjadi lemah semasa operasi	


Apabila perkara ini terjadi		Pemeriksaan dan pengendalian
Kuasa sedutan	Operasi Fungsi MATIKAN pemelahuan dinyahaktifkan	<ul style="list-style-type: none"> ● Adakah fungsi MATIKAN pemelahuan dinyahaktifkan? (H. ML8, ML16) ● Adakah terdapat apa-apa kotoran atau habuk di penderia? →Lakukan penyelenggaraan (H. ML12)
Bau	Ekzos berbau sampah	<ul style="list-style-type: none"> ● Adakah pembersih vakum tidak dibersihkan setelah menghirup bau sampah yang busuk? →Jika anda mengambil berat tentang baunya semasa operasi semula, tolong keluarkan sampah dan lakukan penyelenggaraan (H. ML10 ~ ML11)
Bunyi	Bunyi klik boleh didengari semasa menggoncang muncung	<ul style="list-style-type: none"> ● Adakah bekas habuk dipasang dengan betul? (H. ML10 ~ ML11)
	Semasa memvakum, bunyi operasi bertukar	<ul style="list-style-type: none"> ● Dalam mod automatik, pembersih vakum melaras kuasa sedutan mengikut jumlah sampah dan mengakibatkan bunyi operasi berubah-ubah. Bukan tidak normal. ● Adakah batang sambungan, muncung, bekas habuk, prapenapis tersumbat? →Lakukan penyelenggaraan (H. ML10 ~ ML13)
	Pada permulaan, badan boleh memancarkan bunyi "bip" (pembersih vakum tidak boleh berfungsi pada masa ini)	<ul style="list-style-type: none"> ● Sila jalankan lagi.
Lampu penderia habuk	Lampu penderia habuk berkelip dengan perlahan (lebih kurang berkelip sekali setiap 3 saat)	<ul style="list-style-type: none"> ● Adakah ia berada pada mod MATIKAN pemelahuan? Dalam mod MATIKAN pemelahuan, lampu penderia habuk berkelip dengan perlahan. (H. ML8)
	Lampu menyala walaupun tiada habuk yang disedut (lampu tidak padam)	<ul style="list-style-type: none"> ● Adakah terdapat habuk di lampu penderia habuk? →Lap sampah, habuk dan sebagainya yang melekat kepada penderia dengan kain lembut dan kering (H. ML12)
	Lampu tidak menyala walaupun habuk telah disedut	
Lampu penderia habuk	Lampu tidak padam	<ul style="list-style-type: none"> ● Dalam hal berikut, lampu penderia habuk boleh terus menyala dan tidak akan padam. Bukan tidak normal. <ul style="list-style-type: none"> • Apabila memvakum permaidani dan sebagainya (kerana ada benang yang longgar) • Apabila memvakum tempat tidur seperti gegebar, selimut dan sebagainya. (Mungkin ada banyak keratin, sisik, tungau dan sebagainya) →Selepas memvakum, serpihan seperti benang longgar, keratin, sisik, tungau dan sebagainya secara beransur-ansur berkurangan dan lampu akan padam dengan perlahan. Anda juga boleh menetapkan sensitiviti penderia kepada [Senang]
Lain-lain	Lampu penderia habuk, lampu paras bateri berkelip pada masa yang sama	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika kedua-dua lampu menyala pada masa yang sama, suhu tidak normal. →Tunggu 5 hingga 30 minit ● Apabila kedua-dua lampu berkelip pada masa yang sama, bekas habuk, muncung dan batang sambungan mungkin tersumbat. →Keluarkan halangan (H. ML10 ~ ML13)
Jika masih ada masalah selepas pemeriksaan		<ul style="list-style-type: none"> ● Jangan baiki sendiri dan sila bawa produk ini (badan, batang sambungan, muncung lantai, pengecas bateri dan sebagainya), bersama kad pendaftaran waranti produk ke kedai pembelian asal. ※ Sila rujuk kepada penjual asal.

Menukar Tetapan


■ Apabila menukar tetapan sensitiviti lampu penderia habuk


- 1 Tekan dan tahan **OFF**, kemudian tekan **AUTO HIGH**.
Kemudian lepaskan **OFF** dan terus menekan **AUTO HIGH** selama lebih daripada 5 saat.

(Perkara berikut menunjukkan status tetapan semasa)

Status lampu penderia habuk	Sensitiviti penderia
 Sentiasa menyala	Biasa Biasanya digunakan semasa membersihkan (pratetap semasa dibeli)
 Berkelip cepat (2 hingga 3 kali dalam 1 saat)	Teliti Gunakan semasa membersihkan dengan teliti • Penderia akan meningkatkan sensitiviti, yang membolehkan pengesanan sensitif sampah yang kecil. Lampu penderia habuk berkelip dengan cepat.
 Kelip (kira-kira 1 kelip setiap 2 saat)	Senang Apabila anda sudah bosan dengan lampu penderia habuk yang sering menyala • Kurangkan sensitiviti dan tahan daripada lampu berkelip

- 2 Tekan **AUTO HIGH** untuk memilih sensitiviti mengikut keutamaan anda



- 3 Tekan **OFF** (untuk melengkapkan tetapan) dan  akan (dimatikan)
• Memori tetapan semasa boleh disimpan sehingga perubahan tetapan seterusnya.

■ Apabila menukar tetapan fungsi MATIKAN pemelahuan

Nyahaktifkan fungsi MATIKAN pemelahuan

- 1 Apabila mod [AUTO (AUTOMATIK)] diaktifkan, muncung lantai akan meninggalkan lantai
• Selepas kira-kira 5 saat, operasi berhenti dan lampu penderia habuk (merah) berkelip dengan perlahan.
- 2 Tekan **AUTO HIGH** (lebih daripada 2 saat)
(Lampu penderia habuk (merah) padam, produk mula beroperasi semula dan tetapan selesai)
• Apabila produk ini sedang berjalan, walaupun fungsi MATIKAN pemelahuan dinyahaktifkan, kuasa sedutan akan menjadi lebih lemah bagi menurunkan penggunaan kuasa apabila muncung lantai dijauhkan dari lantai.
• Memori tetapan semasa boleh disimpan sehingga perubahan tetapan seterusnya.

Aktifkan fungsi MATIKAN pemelahuan

- 1 Apabila mod [AUTO (AUTOMATIK)] diaktifkan, muncung lantai akan meninggalkan lantai
- 2 Tekan **AUTO HIGH** (lebih daripada 2 saat)
(Produk ini berhenti berjalan, lampu penderia habuk (merah) berkelip dengan perlahan dan tetapannya selesai)
• Memori tetapan semasa boleh disimpan sehingga perubahan tetapan seterusnya.


Pelupusan produk

- Bateri boleh dicas semula di dalam produk ini ialah produk guna habis. Apabila masa perkhidmatan menjadi semakin singkat walaupun selepas pengecasan yang betul dilakukan, bateri mungkin sudah sampai paras akhir jangka hayat perkhidmatannya. Jika anda perlu membeli atau mengganti bateri, sila rujuk kepada penjual asal.
- Keluarkan bateri sebelum pelupusan dan bawanya ke tong kitar semula rasmi yang telah ditetapkan. Jangan timbunkannya bersama sisa domestik umum untuk mengelakkan pencemaran alam sekitar.


Permintaan

- Ilustrasi di bawah adalah ialah untuk rujukan sahaja apabila melupuskan produk ini, bukan untuk dibaiki. Penceraian dan pembaikan produk yang tidak dibenarkan boleh mengakibatkan litar pintas bateri boleh dicas semula.
- MATIKAN produk sebelum mengeluarkan bateri. (Jalankan pembersih vakum sehingga ia berhenti secara automatik sekiranya bateri boleh dicas semula masih mempunyai kuasa)

- 1 Buka 2 skru seperti yang ditunjukkan dan buka penutup ruang tempat letak bateri




- 2 Cabut 2 penyambung seperti yang ditunjukkan dan keluarkan bateri



Spesifikasi

Spesifikasi		
No. Model		MC-SB30J
Kapasiti menyedut habuk		0.3 L
Hingar		HIGH (TINGGI) : 80 dB (A)
Dimensi (Kedalaman×Kelebaran×Ketinggian)		387 mm×93 mm×182 mm (Badan)
Berat		1.1 kg (Badan) 1.6 kg (Batang sambungan dan Muncung lantai)
Kuasa input berkadar		275 W
Masa operasi yang berterusan (20 °C/ dicas sepenuhnya, kapasiti awal bateri)		AUTO (AUTOMATIK)
		HIGH (TINGGI)
		10 minit ~ 20 minit
		6 minit
Bateri boleh dicas semula	Bateri boleh dicas semula	Bateri litium-ion boleh dicas semula (5)
	Parameter bateri	18 V --- 1650 mAh
	Tempoh mengecas semula	kira-kira 3.5 jam
Pengecas bateri	No. Model	AVV61V-U9V
	Input	100-240 V \sim 50-60 Hz 0.5-0.2 A
	Output	20 V --- 0.7 A
Aksesori		Extension wand (1) Muncung lantai (1) Pengecas bateri (1) Muncung celah (1) Berus pembersih (1)


※ Pengecas bateri pembersih vakum tergolong dalam perkakas Kelas II 



Operating Instructions

Rechargeable Vacuum Cleaner (Household use)

Model No. MC-SB30J



Attached with a product warranty registration card

Thank you for purchasing Panasonic product.

